

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL, KAMPUS BESTARI JAYA

JAWATAN : PENSYARAH KANAN (DS51/52)
: PENSYARAH (DS45)

Bidang : Pengajian Islam
Status : Lantikan Secara Kontrak / Tetap (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor ingin melantik Pensyarah Kanan (DS51/52) dan Pensyarah (DS45) dalam bidang Pengajian Islam bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

1. PENSYARAH KANAN (DS51/52) / PENSYARAH (DS45)

Bidang Pengajian Islam

1. Warganegara Malaysia.
2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) / Ijazah Sarjana (CGPA 3.0 ke atas) dengan pengkhususan dalam bidang Pengajian Islam (Pendidikan Islam/Syariah Islamiah/Bahasa Arab) daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.
3. Calon yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Syariah Islamiah Pengkhususan Halal menjadi keutamaan.
4. Berpengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang pengajaran diperingkat institusi pengajian tinggi.
5. Mahir dengan teknologi terkini dan berkebolehan menguasai lebih dari dua (2) bahasa merupakan satu kelebihan.
6. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran pasport terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan perlu dihantar ke alamat berikut :
- Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia**
Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor
- Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077
- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **30 September 2022**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.